



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

PELANCARAN IMDEC 2026 DAN MEDTECHPRENEUR 1.0 PERKUKUH KOMITMEN MDA PERKASA INDUSTRI PERANTI PERUBATAN NEGARA

Putrajaya, 15 Oktober 2025 (Rabu) –

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), hari ini telah melancarkan secara rasmi acara International Medical Device Conference (IMDEC 2026) bersekali dengan Pelancaran Program Pembangunan Keusahawanan Sektor Peranti Perubatan (MedTechPreneur 1.0) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Penekanan Kepada Standard Global Menerusi IMDEC 2026

MDA mengumumkan pelancaran IMDEC 2026, sebuah pameran dan persidangan antarabangsa utama yang dijangka menarik peserta dari seluruh dunia, bagi membincangkan trend kawal selia terkini, inovasi teknologi, dan piawaian keselamatan peranti perubatan.

Dalam ucapan perasmianya, YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan, menegaskan komitmen Malaysia untuk menjadi peneraju dalam kawal selia peranti perubatan.

"Pelancaran IMDEC 2026 pada hari ini adalah bukti bahawa Malaysia bukan sahaja berhasrat untuk menjadi hab peranti perubatan serantau, tetapi juga komited untuk memastikan industri peranti perubatan mematuhi piawaian kualiti dan keselamatan global yang tertinggi. Melalui platform persidangan ini, kita dapat bertukar pandangan dan teknologi terkini, sekaligus memperkukuh sistem kesihatan negara," kata beliau.

Melahirkan Usahawan Berdaya Saing Menerusi MedTechPreneur 1.0

Turut menjadi tumpuan ialah pelancaran MedTechPreneur 1.0, sebuah inisiatif strategik MDA yang selaras dengan mandatnya untuk menggalakkan pembangunan industri peranti perubatan tempatan. Sebagai program perintis, MedTechPreneur 1.0 menjadi pemangkin kepada pembangunan inovasi, penghasilan produk berteknologi tinggi, dan peningkatan daya saing global industri peranti perubatan negara.

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, menyambut baik program ini.

"Inisiatif MedTechPreneur 1.0 ini adalah kritikal dalam membina modal insan keusahawanan yang berdaya saing tinggi dalam sektor berteknologi. Kami di KUSKOP menyambut baik program ini sebagai pelengkap usaha kami untuk memperluas peluang perniagaan. Kami akan memastikan usahawan peranti perubatan tempatan mendapat sokongan yang diperlukan untuk berkembang, dari peringkat idea hingga ke pasaran antarabangsa, dengan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh MDA," jelas beliau.

Sorotan Utama Majlis

Majlis pelancaran turut menyaksikan beberapa acara penting yang menandakan komitmen MDA untuk menyokong pertumbuhan industri:

1. Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU): MDA memeterai pertukaran MoU dengan SME Bank, bertujuan untuk menyokong usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui bantuan pembiayaan dan bukan pembiayaan bagi pembangunan peranti perubatan.
2. Penyerahan Surat Pengesahan Penyertaan MedTechPreneur 1.0 kepada usahawan perintis yang terpilih.
3. Pengiktirafan Penaja: Penyampaian Plak Penghargaan kepada Penaja dan Rakan Strategik yang menyokong IMDEC 2026.

Majlis pelancaran ini turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada kementerian, agensi kerajaan, persatuan industri, dan pemain-pemain utama sektor peranti perubatan, menandakan sokongan padu terhadap inisiatif MDA dan kerajaan.

Mengenai IMDEC 2026

IMDEC 2026 merupakan kesinambungan kepada IMDEC 2024 dengan membawa platform yang lebih berimpak tinggi dalam merangsang pertumbuhan industri peranti perubatan negara serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab peranti perubatan bertaraf dunia. Penganjuran ini juga sejajar dengan agenda nasional termasuk Ekonomi MADANI dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Mengenai MDA

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) ialah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) bagi melaksanakan program kawalan peranti perubatan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).

Mengenai MedTechPreneur 1.0

Program Pembangunan Usahawan Sektor Peranti Perubatan yang bertujuan untuk melahirkan usahawan yang berpotensi dalam menceburi sektor perniagaan peranti perubatan yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kesihatan Malaysia

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Melalui:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesihatan Malaysia

